



SIARAN MEDIA

KERAJAAN KOMITED TINGKATKAN PRESTASI BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sentiasa komited dalam memastikan kualiti dan perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah mampan dan berdayaharap.

Pelbagai usaha dilaksanakan untuk memastikan pembekalan elektrik yang cukup melalui pengukuhan sistem penjanaan, penghantaran dan pembahagian elektrik.

Sebanyak 57 projek penjanaan, penghantaran dan pembahagian elektrik dengan kos peruntukan berjumlah RM2.3 bilion dalam bentuk geran telah disalurkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10(RMK-10) dan RMK-11.

Projek-projek ini dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) yang ditubuhkan secara khusus di bawah KeTSA bagi menyokong projek-projek yang dilaksanakan oleh SESB sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan daya harap bekalan elektrik Sabah.

Satu majlis penyerahan projek Pencawang Masuk Utama (PMU) Inanam dan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Tambalugu di Tuaran oleh PPKBES kepada SESB telah diadakan pada 29 Julai 2022.

Penyerahan dua projek tersebut disempurnakan Ketua Setiausaha KeTSA Dato' Haji Rosli Bin Isa kepada Ketua Pegawai Eksekutif SESB Ir Ts Mohd Yaakob Hj Jaafar. Majlis turut dihadiri oleh Pengarah PPKBES Ir Ismail bin Hashim.

Pembinaan PMU Inanam ini juga merupakan pelan jangka panjang SESB untuk menaiktaraf sistem 66kV kepada sistem 132kV pada Grid Sabah dan dijangka berupaya mengurangkan gangguan bekalan elektrik serta membekalkan kapasiti tenaga yang lebih besar ke kawasan sekitar dengan kos senggaraan yang lebih optimum.

Manakala itu, pembinaan PPU Tambalugu akan dapat meningkatkan daya harap bekalan elektrik serta mampu untuk mengatasi masalah beban rendah di kawasan Tuaran dan sekitar.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

29 JULAI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli | Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

